

UPM terus unggul

Hampir capai sasaran 40 pingat emas keseluruhan SUKIPT

>>Oleh Wan Noriza Meor Idris
wannoriza@NSTP.com.my

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) hampir mencapai sasaran 40 pingat emas keseluruhan di Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) apabila mengutip 10 daripadanya menerusi sukan olahraga setakat ini.

Semalam, UPM menambah tiga lagi pingat emas, dua perak dan satu gangsa bagi membolehkan mereka mendominasi acara olahraga di Stadium Mini Majlis Sukan Negara (MSN).

UPM yang setakat ini turut mencatat lapan perak dan dua gangsa keseluruhan, mendahului Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang mencatat lapan emas, satu perak dan tiga gangsa. Politeknik Ungku Omar mencatat dua emas, satu perak dan satu gangsa, ketiga.

"Kejayaan UPM bukan saja hasil kendalian universiti tapi berkat tunjuk ajar jurulatih MSN."

"Malah latihan intensif untuk atlet bukan saja untuk persediaan ke SUKIPT tapi ke Sukan Universiti ASEAN (AUG) Laos, bulan depan."



HEBAT...kUARTET Unimap (dari kiri), Nurul Faizah Asma Mazlan, Nur Atikah Awang, Nor Jannah Hafizah Jamaluddin dan Raja Nursheena Raja Azhar raih emas acara 4x100m wanita, semalam.



TERPANTAS...kUARTET UPM, (dari kiri) Jad Adrian Washif, Rohaizad Jamil, S Kannan dan Zaibidi Ahmad raih emas acara 4x100m, semalam.

"Selepas mencatat kejayaan konsisten sejak hari pertama acara olahraga berlangsung Rabu lalu, kami kini meletakkan sasaran mengutip baki enam lagi pingat emas untuk esok (hari ini) dan

Ahad," kata jurulatih olahraga UPM, Mohd Firdaus Abdullah.

Beliau turut optimis melepas sasaran 12 pingat emas di SUKIPT.

"Saya yakin atlet UPM ber-

jaya melepas sasaran universiti dengan menyapu bersih semua acara dipertandingkan pada baki dua hari," katanya yang akan menghantarkan kira-kira 20 hingga 25 atlet le Laos.

UPM kuasai gelanggang tempur sukan karate

GAH mendominasi acara olahraga, Universiti Putra Malaysia (UPM) turut menguasai gelanggang tempur karate acara kumite Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT), semalam.

Pada final di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu, UPM mengutip tiga pingat emas menerusi individu Lelaki Lebih 84 kilogram, Bawah 84kg dan Bawah 75kg.

Untuk acara Lebih 84kg, V Jayaseelan menewaskan Mbai Shathiso dari Universiti Multimedia manakala Rais Abdul Hamid mewakili Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), ketiga. Bagi Bawah 84kg, G Theebaan pula menundukkan Jasper Olsen Francis Universiti Sains Malaysia (USM) dan Mohammad Adib Aziz

(KUIS), ketiga.

S Teagarajan pula mengungguli Bawah 75kg selepas mengatasi Pouye Panahi dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) manakala B Thanabalan yang mewakili Universiti Malaya (UM), ketiga.

Sementara itu, dalam kategori wanita Lebih 68kg, Nasuha Najmi dari Universiti Sultan Zainal Abidin

menundukkan An-Zurie Ayesha Au Johan dari KUIS dan Wan Farida Hamimi Wan Ibrahim dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), ketiga.

Wakil Universiti Teknologi Mara (UiTM), Arni Nurfatim Arpa mendominasi kategori Bawah 68kg, menewaskan Siti Hajar Mohd Azhar KUIS. N Kanagaletchumi dari Kolej Universiti Segi, ketiga.